

IMIGRAN® FD TABLET 50 MG

Sumatriptan (50 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan IMIGRAN FD
2. Bagaimana IMIGRAN FD berfungsi
3. Sebelum mengambil IMIGRAN FD
4. Cara menggunakan IMIGRAN FD
5. Semasa menggunakan IMIGRAN FD
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan IMIGRAN FD
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan IMIGRAN FD

Tablet Imigran FD digunakan untuk melegakan serangan migrain, termasuk rawatan akut serangan migrain yang berkaitan dengan haid di kalangan kaum wanita.

Tablet Imigran FD hanya patut diambil apabila anda sudah mula mengalami tanda dan simptom serangan migrain, bukan untuk cuba mencegah serangan migrain daripada berlaku.

Bagaimana IMIGRAN FD berfungsi

Setiap tablet Imigran yang berbentuk kapsul mengandungi dos tunggal sumatriptan, yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil triptans (*juga dikenali sebagai 5-HT1 receptor agonists*).

Simptom migrain mungkin diakibatkan oleh pengembangan sementara salur darah. Imigran dipercayai dapat mengurangkan pengembangan salur darah ini. Ini kemudiannya membantu menghilangkan sakit kepala dan melegakan simptom lain

serangan migrain, seperti rasa loya (hendak muntah) dan sensitiviti terhadap cahaya dan bunyi.

Sebelum mengambil IMIGRAN FD

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat anda:
Jika anda hipersensitif (alah) kepada sumatriptan atau mana-mana bahan kandungan Imigran FD.

- Sebelum mula mengambil

Jika anda menjawab ‘Ya’ bagi mana-mana soalan berikut, maklumkan kepada doktor anda mengenainya sebelum mengambil ubat ini kerana ia mungkin tidak sesuai untuk anda.

- Adakah anda mengandung atau sedang cuba mendapatkan anak?
- Adakah anda sedang menyusukan anak? – untuk mengurangkan pendedahan kepada anak, para ibu tidak boleh menyusukan anak selama 12 jam selepas mengambil Imigran FD.
- Adakah pening kepala ini berlainan dengan serangan migrain biasa anda?
- Adakah anda pernah dimaklumkan bahawa anda alah dengan Imigran FD, sumatriptan, atau mana-mana bahan kandungan lain dalam Imigran FD?
- Adakah anda mengambil apa-apa ubat untuk migrain anda, yang mengandungi ergotamine atau dihydroergotamine? – jika ya, anda tidak boleh mengambil Imigran FD pada masa yang sama.
- Adakah anda sedang mengambil, atau ada mengambil antidepresan dalam masa 2 minggu yang lepas, terutamanya yang mengandungi monoamine oxidase inhibitors? – jika ya, anda tidak boleh mengambil Imigran FD.
- Adakah anda sedang mengambil mana-mana antidepresan yang tergolong sebagai selective serotonin reuptake inhibitors (SSRIs) or serotonin noradrenaline reuptake inhibitors (SNRIs)?
- Adakah anda alah kepada antibiotik sulphonamide? Jika anda alah kepada antibiotik tetapi anda tidak pasti jenisnya, periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Adakah anda sedang mengambil apa-apa ubat lain untuk migrain anda?
- Adakah anda menghidap kolitis iskemik?
- Adakah anda menghidap sesak nafas yang tidak dijangka atau akibat sakit dada (yang mungkin merebak ke rahang dan bahagian atas lengan anda)?
- Pernahkah anda mengalami serangan jantung?
- Adakah anda mempunyai tekanan darah tinggi?
- Adakah anda mempunyai apa-apa masalah jantung atau menghidap angina?
- Adakah anda pernah, atau dimaklumkan yang anda mungkin telah mengalami strok?
- Adakah anda menghidap penyakit Raynaud, penyakit vaskular periferi (sakit di bahagian belakang kaki), atau sering mengalami rasa sejuk, mencucuk atau kebas pada tangan dan kaki?

- Pernahkah anda dimaklumkan yang anda mempunyai risiko serangan jantung yang lebih tinggi? Anda boleh dianggap mempunyai risiko serangan jantung yang lebih tinggi jika anda:
 - Lelaki berusia lebih 40 tahun
 - Wanita yang telah mengalami menopaus (putus haid)
 - Mempunyai berat badan berlebihan.
 - Jika anda mempunyai diabetes atau kandungan kolesterol dalam darah yang tinggi
 - Jika anda merokok
 - Anda juga boleh mempunyai risiko serangan jantung yang lebih tinggi jika ada saudara sedarah anda yang menghidap penyakit jantung.
 - Adakah anda mempunyai penyakit hati?
 - Adakah anda mempunyai penyakit ginjal?
 - Pernahkah anda mengalami sawan pada masa lalu atau dimaklumkan yang anda cenderung kepada masalah tersebut?
 - Jika anda mengambil Imigran FD terlalu kerap, ia mungkin akan memburukkan lagi pening kepala anda. Jika ini berlaku, doktor anda mungkin akan menyuruh anda berhenti mengambil Imigran FD.
 - Adakah anda berusia bawah 18 tahun atau melebihi 65 tahun?

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Pastikan doktor anda tahu mengenai ubat-ubat lain yang anda sedang ambil, atau yang anda ada ambil dalam masa terdekat, termasuklah ubat-ubat yang anda beli sendiri. Jangan lupa untuk menyertakan semua ubat, ubat herba atau penokok diet, seperti vitamin, zat besi atau kalsium.

Cara menggunakan

IMIGRAN FD

- Berapa banyak harus digunakan

Dos Imigran FD yang disyorkan bagi orang dewasa ialah satu tablet 50mg. Untuk ditelan dengan air sebaik sahaja simptom pening kepala migrain anda muncul, walaupun ia boleh diambil pada bila-bila masa semasa serangan pening kepala migrain. Doktor anda akan menyarankan dos yang perlu untuk anda.

Jangan ambil tablet Imigran FD tambahan, atau apa-apa saja bentuk lain Imigran FD, jika dos yang pertama tidak melegakan simptom anda. Anda boleh mengambil ubat pelega pening kepala biasa anda asalkan ia tidak mengandungi ergotamine atau dihydroergotamine.

Dos kedua boleh diambil jika dos pertama telah melegakan simptom migrain anda tetapi simptomnya muncul semula, dengan sekurang-kurangnya dua jam antara dos. Jangan ambil lebih daripada jumlah dos 300mg (enam tablet 50mg) dalam masa 24 jam. Tablet yang tinggal haruslah dikembalikan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Bila perlu digunakan

Untuk ditelan dengan air sebaik sahaja simptom pening kepala migrain anda muncul, walaupun ia boleh diambil pada bila-bila masa semasa serangan migrain.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Imigran FD selama mana disyorkan doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Penting untuk anda mematuhi dos yang disarankan. Jika anda secara tidak sengaja terlebih dos maksimum harian, hubungi doktor atau ahli farmasi anda dengan segera. Bawa pembungkus ubat supaya mereka boleh mengenal pasti apa yang telah diambil.

Semasa menggunakan

IMIGRAN FD

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang telah disarankan doktor. Label pada ubat biasanya akan memaklumkan kepada anda jumlah dan kekerapan pengambilan. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Imigran FD hanya patut diambil apabila tanda-tanda awal serangan migrain muncul. Jangan gunakan Imigran FD untuk cuba mencegah tanda-tanda serangan awal migrain.

Risalah ini tidak mengandungi segala maklumat mengenai ubat anda. Jika anda mempunyai soalan atau tidak pasti mengenai sesuatu, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil apa-apa ubat yang mengandungi ergotamine atau dihydroergotamine selama 6 jam

selepas mengambil Imigran FD. Jika anda tidak pasti tentang apa-apa ubat yang anda ambil, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan gunakan Imigran FD selama sekurang-kurangnya 24 jam setelah anda mengambil apa-apa ubat yang mengandungi ergotamine atau dihydroergotamine. Jika anda mengalami kesukaran atau tidak memahami arahan penggunaan, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Ubat ini untuk anda. Jangan sesekal berikannya kepada orang lain. Ia mungkin akan memberi kesan buruk kepada mereka walaupun mereka mengalami simptom yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini tidak sesuai untuk kanak-kanak atau warga tua (berusia melebihi 65 tahun).

Imigran FD atau migrain anda sendiri mungkin akan membuatkan anda mengantuk, jadi anda tidak seharusnya memandu atau mengendalikan mesin jika anda mengalami keadaan ini.

Sebilangan kecil orang mendapati bahawa migrain mereka semakin lega bermula 30 minit selepas mengambil 50mg Imigran FD Fast Disintegrating Tablet (FD) dan bermula 20 minit selepas mengambil 100mg Imigran FD (FD). Menjelang 2 jam, kebanyakan orang akan merasai kelegaan tidak kira dos mana yang diambil.

Pesakit yang sukar menelan boleh memilih untuk memecahkan tablet menggunakan sedikit air

sebelum mengambilnya. Tablet Sumatriptan yang terurai pantas yang dilarutkan dalam air mempunyai rasa yang pahit.

Kesan-sesan sampingan

Sepertimana ubat-ubatan lain, Imigran FD boleh mendatangkan kesan sampingan.

Ada orang yang mungkin alah kepada ubat. Jika anda mengalami mana-mana daripada simptom berikut tidak lama selepas anda mengambil Imigran FD, hentikan pengambilan ubat ini dan maklumkan kepada doktor anda dengan segera.

- Nafas berdehit atau sesak nafas secara tiba-tiba.
- Bengkak pada kelopak mata, muka atau bibir.
- Sawan
- Ruam kulit yang berkeltuk-keltuk atau “gatal-gatal” pada mana-mana bahagian badan.
- Kesakitan pada bahagian bawah abdomen dan/atau pendarahan rektum yang teruk.

Jika anda mengalami apa-apa simptom yang anda tidak fahami, maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Simptom-simptom lain yang anda mungkin akan alami:

- Rasa luar biasa seperti kebas, mencucuk dan rasa panas/sejuk.
- Sakit, berat atau tekanan pada mana-mana bahagian badan termasuklah dada dan tekak.
- Simptom-simptom ini mungkin teramat sangat tetapi biasanya berlalu dengan pantas. Jika simptom ini berterusan dan menjadi semaki teruk, maklumkan kepada doktor anda dengan segera, ia mungkin serangan sakit jantung. Jangan ambil dahulu Imigran FD sehingga anda telah

memaklumkan kepada doktor anda mengenai simptom anda.

Anda juga mungkin akan mengalami keadaan berikut:

- Rasa letih atau mengantuk.
- Pening-pening
- Degupan jantung yang luar biasa perlahan atau pantas, atau merasai degupan jantung yang tidak sekata dan/atau kuat.
- Sesak nafas.
- Rasa lemah badan.
- Rasa loya atau hendak muntah.
- Kemerahan kulit (muka kemerah-merahan untuk seketika).
- Gangguan visual.
- Pucat pada jari tangan dan kaki.
- Menggigil.
- Pergerakan yang tidak terkawal.

Jika mana-mana simptom ini berlaku, anda tidak perlu berhenti mengambil ubat anda, tetapi anda perlu memaklumkan kepada doktor anda apabila anda berjumpa mereka. Walau bagaimanapun, jika anda mengalami kebiruan pada tangan dan kaki, anda haruslah berhenti mengambil ubat anda dan merujuki doktor anda dengan segera.

Jika anda perlu menjalani pemeriksaan darah bagi memeriksa fungsi hati anda, dan anda telah mengambil Imigran FD, maklumkan kepada doktor anda kerana ia mungkin akan memberi kesan kepada keputusan ujian.

Jika anda mendapati terdapat kesan sampingan yang tidak dinyatakan dalam risalah ini, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat

Pemantauan Kesan Advers Ubat
Kebangsaan melalui No. Tel:
03-78835550, atau laman
webportal.bpfk.gov.my
(Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan IMIGRAN FD

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang tidak dapat dicapai dan dilihat oleh kanak-kanak.
Jangan gunakan selepas tarikh tamat tempoh yang tercetak pada pek.
Simpan di bawah suhu 30 °C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda mengenai cara melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

dioxide, Triacetin, Iron oxide red.

- Nombor MAL

Imigran FD Tablet 50mg
• MAL06051329AZ

Pengilang

GlaxoSmithKline
Pharmaceuticals S.A.,
189, Grunwaldzka Street 60-322
Poznan, Poland

Pemegang Pendaftaran Produk

GlaxoSmithKline
Pharmaceutical Sdn. Bhd.
Level 6, Quill 9,
112 Jalan Semangat,
46300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

- 08/04/2016

Nombor siri:

BPFK(R4/1)070416/00103

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet 50mg Imigran FD disaluti dengan lapisan merah jambu dan ditanda dengan ‘GS 1YM’ di hadapannya dan ‘50’ di belakangnya.

Tablet 50mg Imigran FD boleh didapati dalam pek 2 tablet.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

The active substance is sumatriptan succinate.

- Bahan tidak aktif

Calcium hydrogen phosphate,
Microcrystalline cellulose,
Sodium hydrogen carbonate,
Croscarmellose sodium,
Magnesium Stearate, Purified
Water, Hypromellose, Titanium